

**Maybank: Kemenangan BN Baik Untuk Sektor Perbankan & Ekonomi
Bernama
16 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Malayan Banking Bhd berharap Datuk Seri Najib Tun Razak akan diberikan mandat baharu untuk menerajui negara dalam Pilihan Raya ke-13 pada 5 Mei ini.

Ini kerana ia boleh merancakkan sektor perbankan yang memainkan peranan pemangkin dalam memacu ekonomi dengan memastikan pembiayaan yang mencukupi bagi banyak projek di bawah Program Transformasi Ekonomi.

"Kami begitu berharap yang Perdana Menteri akan diberikan mandat untuk terus menerajui negara kerana ia akan memastikan persekitaran perniagaan kekal kondusif, syarat penting bagi kejayaan penyudahan projek-projek ini.

Menerusi mandat sedemikian, "kita boleh mencapai pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan dapat meneruskan aspirasi menjadi negara maju menjelang 2020," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif bank berkenaan, Datuk Seri Abdul Wahid Omar kepada pemberita selepas melancarkan Maybank2u Pay di sini Selasa.

Maybank ditubuhkan pada 1960, ialah kumpulan perbankan terbesar di dalam negara.

Abdul Wahid berkata Malaysia amat beruntung kerana projek ETP dilancarkan yang telah menyumbang kepada "pertumbuhan ekonomi dan aktiviti perniagaan yang amat kukuh".

"Tahun ini, kami menjangkakan sekurang-kurangnya 5.3 peratus pertumbuhan untuk Malaysia dan dengan itu, sistem perbankan jelas sekali akan mendapat manfaat serta terus memainkan peranan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan," kata beliau.

Tahun lepas, ekonomi berkembang sebanyak 5.6 peratus meskipun dengan faktor-faktor luaran yang lemah dan kejatuhan berterusan ekoran krisis hutang zon euro.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942502>